

**MATRIK ISU-ISU YANG DIHADAPI DAN SYOR-SYOR YANG DI CADANGKAN OLEH
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
UNTUK KUMPULAN MIGRAN DAN ORANG TANPA DOKUMEN DI SABAH
20 APRIL 2020 [ISNIN]**

| BIL | ISU / CABARAN | SYOR / CADANGAN |
|-----|---|--|
| 1 | <p>Kajian yang dilaksanakan oleh UN Country Team; Kajian berkenaan Isu orang tanpa dokumen (<i>Undocumented Person</i>) di Sabah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Terdapat permintaan untuk memperhalusi kajian tersebut dari segi '<i>Political Will</i>', isu rasuah, integrity dan peranan negara dalam menangani permasalahan migran dan Orang yang tidak mempunyai dokumen di Sabah. ii. Isu impak PKP dan selepas PKP (<i>Post-MCO</i>) ke atas golongan rentan in harus dikaji secara menyeluruh. | <ul style="list-style-type: none"> i. Kerajaan harus menerima dan disyorkan kajian ini dapat dibentangkan secepat mungkin selepas tamat tempoh PKP. Kerajaan Negeri Sabah sekarang dilihat komited dan serius dalam mencari penyelesaian terhadap permasalahan ini berlandaskan kepada kepada syor dan polisi yang telah ditetapkan dalam kajian ini. |
| 2. | <p>Ujian Saringan dan Pemeriksaan Covid-19:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menurut NGO di kawasan Pantai Barat Sabah; seperti di daerah Sandakan, Lahad Datu dan Semporna, masih ramai golongan migran dan orang yang tidak mempunyai dokumen berasa takut untuk keluar membuat pemeriksaan kerana | <ul style="list-style-type: none"> i. Kerajaan telah memaklumkan bahawa semua migran dan orang tanpa dokumen yang sah tidak akan ditahan dan diminta untuk menjalani saringan Covid-19. Maklumat ini perlu disampaikan kepada semua migran dan orang tanpa dokumen ini, melalui saluran yang |

| | | |
|---|--|--|
| | bimbang ditangkap dan ditahan sebab ketiadaan dokumen yang sah. | bersesuaian agar mereka tidak takut untuk keluar membuat saringan. |
| 3 | <p>Akses kepada Bantuan Kerajaan dan Makanan</p> <p>i. Golongan rentan ini tidak mempunyai akses kepada dan sukar mendapat bantuan makanan. Semasa tempoh PKP khususnya, mereka tiada alternatif untuk mencari makanan. Terdapat NGO yang cuba membantu komuniti ini dengan membekalkan makanan tetapi disekat oleh pihak penguatkuasa, dan tidak dibenarkan untuk menghantar bekalan makanan. Ada masanya, NGO terpaksa menunggu sehingga tiga hari bagi menyampaikan bantuan kepada keluarga yang memerlukannya.</p> <p>ii. Pihak NGO juga tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk membantu golongan ini dan terpaksa menggunakan sumber kewangan sendiri untuk menyampaikan bantuan kepada mereka yang memerlukannya.</p> <p>iii. Umumnya, ramai migran dan orang tanpa dokumen terpaksa mengambil upah harian sebagai sumber pendapatan. PKP yang telah diumumkan sejak 18 Mac 2020 secara langsung telah kehilangan punca pendapatan dan</p> | <p>i. Kerajaan telah mengumumkan semua bantuan hendaklah dibuat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Kerajaan perlu memastikan bahawa NGO yang membantu komuniti, didaftarkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat tanpa perlu melalui proses birokrasi, NGO yang didaftarkan seharusnya dikategorikan sebagai perkhidmatan penting (<i>essential service</i>), dimana mereka tidak akan disekat oleh pihak polis atau penguatkuasa. Arahan ini perlu dimaklumkan kepada semua agensi yang berkaitan untuk memastikan penyelarasan dan kelancaran proses pemberian bantuan.</p> <p>ii. Kerajaan perlu memperuntukkan dana khas dan bekerjasama dengan NGO yang sedia menolong komuniti ini. Peruntukan bajet kepada NGO akan memastikan tiada sesiapa pun yang terpinggir selaras dengan dasar Kerajaan '<i>leaving no one behind</i>'. Ini adalah penting kerana golongan rentan ini hidup dalam serba kekurangan dan kehilangan pendapatan semasa tempoh PKP menyukarkan hidup mereka.</p> <p>iii. Bantuan seperti makanan, saringan kesihatan dan sebagainya yang ingin disalurkan oleh pihak Kerajaan kepada komuniti ini boleh dijalankan</p> |

| | | |
|---|---|--|
| | <p>menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan bekalan makanan. Hakikatnya tiada bantuan dihulurkan kepada mereka bagi meneruskan kehidupan.</p> | <p>dengan bantuan badan bukan kerajaan (NGO) tempatan memandangkan mereka lebih mengenali tentang penempatan komuniti ini dan pada masa yang sama mampu mengurangkan kesusahan komuniti ini bahawa penempatan mereka akan diserbu oleh pihak penguatkuasa Kerajaan selepas krisis Covid-19.</p> |
| 4 | <p>Isu pengumpulan data bagi keluarga migran dan orang tanpa dokumen</p> <p>i. NGO melaporkan bahawa terdapat permasalahan berkaitan rekod data bagi keluarga yang belum mendapat bantuan mahupun yang telah mendapat bantuan. Kekurangan organisasi serta perkongsian maklumat mengakibatkan terdapat keluarga yang diberi bantuan lebih dari sekali, manakala sesetengah tidak mendapat sebarang bantuan.</p> <p>ii. Manakala Orang Asal (Tidak Memiliki Dokumen), mereka diketepikan dalam mendapat bantuan daripada Kerajaan. Ini adalah kerana data yang digunakan oleh kerajaan dikatakan masih belum dikemaskini.</p> | <p>i. Kerajaan haruslah membantu golongan migran dan orang tanpa dokumen ini dengan mengerakkan agensi bertanggungjawab seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sabah agar dapat bekerjasama dengan NGO/CSO yang terlibat dan seterusnya merekodkan data setiap keluarga ini ke dalam sistem agensi/jabatan.</p> <p>ii. Kerajaan Negeri Sabah harus mengemaskini data dalam permohonan bantuan kerajaan agar orang asal (yang tidak mempunyai dokumen) dapat didaftar dalam senarai sistem bantuan tersebut. Pejabat Daerah haruslah memastikan Ketua Kampung, MPKK menghantar nama dan mengemaskini data setiap keluarga di kampung mereka dengan kadar segera. Kerajaan haruslah berkongsi data dengan NGO yang terlibat bagi membolehkan bantuan dapat disalurkan dengan efisien.</p> |

| | | |
|---|--|--|
| | | |
| 5 | <p>Perancangan selepas PKP (Post MCO)</p> <p>i. Kebanyakan golongan ini bekerja di sektor perladangan kecil dan sederhana. Terdapat laporan bahawa ada pengusaha ladang sawit tidak membayar gaji pekerja dan ada juga majikan memaksa pekerja menandatangani surat menyatakan kerelaan dipotong gaji. Hal ini akan mendatangkan permasalahan sosial dan ekonomi keluarga itu apabila mereka tiada wang untuk perbelanjaan keperluan keluarga. Didapati kes jenayah turut meningkat oleh kerana akibat keadaan mendesak bagi memastikan kelangsungan hidup.</p> | <p>i. Kerajaan perlu mengambil inisiatif dengan memperuntukkan sejumlah dana kepada komuniti ini bagi membantu mereka sepanjang tempoh PKP.</p> <p>ii. Kerajaan negeri melalui agensi / jabatan harus melaksanakan pemeriksaan secara berkala ke ladang-ladang ataupun mana-mana kawasan yang mempunyai ramai golongan migran dan orang tidak berdokumen, bagi memastikan majikan tidak melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.</p> <p>iii. Kerajaan disyorkan berhubung bersama Kedutaan negara yang terlibat seperti Kedutaan Indonesia, bagi mendorong pihak kedutaan agar memanjangkan bantuan kepada rakyat mereka yang menghadapi kesusahan di Sabah.</p> |
| 6 | <p>Kurang Maklumat Mengenai Covid-19 Dalam Pelbagai Bahasa</p> <p>i. Golongan migran dan orang tanpa dokumen, terdiri dari pelbagai warganegara dan suku kaum.</p> | <p>i. Semua pihak termasuk NGO, persatuan, komuniti perlu diberi pendedahan serta kesedaran dalam pelbagai bahasa dalam menangani pemulanan wabak Covid-19.</p> |

| | | |
|---|--|---|
| | <p>Isu kekangan Bahasa menjadi halangan dalam memahami maklumat mengenai Covid-19 yang ingin disampaikan, memandangkan kebanyakannya dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Masih terdapat golongan ini tidak sedar/tidak tahu langkah-langkah untuk mengelakkan jangkitan dan penularan wabak.</p> | <ul style="list-style-type: none"> ii. Adalah perlu untuk mengedar brosur atau risalah dalam pelbagai Bahasa dikalangan komuniti ini terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan pendalaman dan terhad kepada perhubungan. iii. Pihak penguatkuasa yang memberikan arahan atau yang menyasat golongan ini seharusnya mempunyai jurubahasa atau alternatif lain supaya maklumat atau arahan yang disampaikan dapat difahami oleh mereka. |
| 7 | <p>Isu Pesakit HIV</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Isu pesakit HIV yang sukar mendapatkan bekalan ubat-ubatan HIV secara berterusan. Disebabkan kehilangan sumber pendapatan dan harga ubat yang mahal. Menurut pihak KKM subsidi hanya diberikan kepada pesakit berstatus warganegara sahaja. Buat masa sekarang NGO terpaksa mengeluarkan dana sendiri bagi membantu menampung kos perubatan yang mahal. | <ul style="list-style-type: none"> i. Kerajaan haruslah mempertimbangkan, memberikan bantuan subsidi perubatan sepanjang tempoh PKP ini memandangkan keperluan yang mendesak. |